

FINAL EXAMINATION
NOVEMBER 2022

COURSE TITLE	PENGAJIAN ISLAM
COURSE CODE	MPU2312
DATE/DAY	15 FEBRUARY 2023 / WEDNESDAY
TIME/DURATION	09:00 AM - 11:00 AM / 02 Hour(s) 00 Minute(s)

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES :

1. Please read the instruction under each section carefully.
2. Candidates are reminded not to bring into examination hall/room any form of written materials or electronic gadget except for stationery that is permitted by the Invigilator.
3. Students who are caught breaching the Examination Rules and Regulation will be charged with an academic dishonesty and if found guilty of the offence, the maximum penalty is expulsion from the University.

(This Question Paper consists of 13 Printed Pages including front page)

*****DO NOT OPEN THE QUESTION PAPER UNTIL YOU ARE TOLD TO DO SO*****

BAHAGIAN A

(30 Markah)

Bahagian ini mengandungi TIGA PULUH (30) soalan. Anda dikehendaki menjawab semua soalan dalam kertas OMR yang disediakan.

1. Ketika memimpin Madinah, Baginda SAW telah meletakkan dasar bagi sistem sosial, ekonomi dan politik yang merangkumi hak-hak keadilan dan kebebasan seluruh penduduk Madinah. Antara lain termasuk:
 - I. Prinsip-prinsip keadilan sosial yang merangkumi hak-hak keadilan dan kebebasan seluruh penduduk Madinah.
 - II. Persamaan hak dan kebebasan hidup
 - III. Hak-hak persaudaraan dan kejiiran
 - IV. Hak-hak asasi manusia
 - A. I, II
 - B. I, II, III
 - C. I, II, IV
 - D. Semua di atas

2. Islam telah menggariskan beberapa prinsip yang perlu ada dalam setiap pentadbiran dan pemerintahan Islam, iaitu:
 - I. Segalanya tunduk kepada perintah Allah SWT.
 - II. Berteraskan keadilan sejagat.
 - III. Sentiasa ingin mendapatkan keredhaan Ilahi.
 - IV. Mencegah yang *ma'ruf*.
 - A. I, II
 - B. I, II, III
 - C. I, II, IV
 - D. Semua di atas

3. Unsur penting dalam ekonomi Islam ialah:

- I. Al-'Adl
 - II. Al-Ihsan
 - III. Al-Amanah
 - IV. Al-Ikhlas
-
- A. I, II
 - B. I, II, III
 - C. I, II, IV
 - D. Semua di atas

4. Berikut merupakan antara prinsip yang perlu diperhatikan untuk menjadikan pengurusan ekonomi sebagai pengurusan yang baik dan berdasarkan kepada ajaran Islam **KECUALI** _____.

- A. Sumber yang halal
- B. Wajib mengeluarkan zakat
- C. Wajib menolong semua golongan masyarakat
- D. Wajib menolong negara sekiranya negara memerlukan

5. Berikut merupakan sumber sekunder dalam perundangan Islam **KECUALI** _____.

- A. Al-Istihsan
- B. Al-Ijtihad
- C. Al-Ijmak
- D. Al-Malih al-Mursalah

6. _____ ialah hukuman-hukuman yang telah ditetapkan oleh syara' yang wajib dilaksanakan sebagai menunaikan hak Allah SWT.

Pernyataan di atas merujuk kepada _____.

- A. Diat
 - B. Hudud
 - C. Qisas
 - D. Ta'zir
7. Dewasa kini fenomena maksiat dan keruntuhan akhlak dapat dilihat di mana-mana sahaja. Terdapat beberapa perkara yang diyakini merupakan faktor kepada permasalahan tersebut, antaranya:
- I. Ketandusan iman dan keyakinan kepada Allah SWT.
 - II. Sentiasa terdorong dengan desakan hawa nafsu.
 - III. Sikap ibu bapa yang terlalu prihatin terhadap anak-anak.
 - IV. Terpengaruh dengan nilai baru hasil daripada modernisasi negara.
- A. I, II
 - B. I, II, III
 - C. I, II, IV
 - D. Semua di atas

8. Untuk mendepani masalah keruntuhan akhlak dan moral dalam masyarakat, beberapa perkara perlu dilakukan sebagai langkah mengatasi permasalahan ini, iaitu:
- I. Memberikan perhatian yang serius terhadap pendidikan Islam masyarakat.
 - II. Sentiasa memantau dan mengawal kebebasan media massa.
 - III. Membentuk masyarakat yang prihatin.
 - IV. Menemukan mereka yang terlibat dengan gejala sosial dengan pakar kaunseling.
- A. I, II
B. I, II, III
C. I, II, IV
D. Semua di atas
9. Globalisasi ialah perubahan sosial yang berlaku akibat daripada kemajuan teknologi dan komunikasi yang canggih yang merangkumi bidang-bidang sosial, budaya, ekonomi, pendidikan dan sebagainya. Dari satu sudut, ia telah mendatangkan kebaikan kepada umat Islam pada aspek tertentu, seperti:
- I. masyarakat mampu meningkatkan ekonomi bangsa.
 - II. masyarakat mampu mendapatkan ilmu dan maklumat dalam waktu yang singkat.
 - III. masyarakat mudah memperolehi maklumat dan gaya hidup yang bertentangan dengan agama, adat dan budaya.
 - IV. masyarakat mudah untuk berinteraksi di antara satu sama lain.
- A. I, II
B. I, II, III
C. I, II, IV
D. Semua di atas

10. Allah SWT memperkenalkan syariat dan undang-undang Islam untuk kebaikan dan kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat. Antara falsafah undang-undang Islam, ialah:
- I. Terdapat 4 Jenis undang-undang, iaitu undang-undang ibadat, munakahat, mu'amalat dan jinayat.
 - II. Setiap undang-undang diyakini mempunyai falsafahnya yang tersendiri dan setiap falsafah mempunyai makna yang banyak dalam perspektif pendidikan dan sosial.
 - III. sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi, manusia diberi amanah untuk melaksanakan undang-undang Allah SWT di muka bumi.
 - IV. Undang-undang itu hak milik manusia.
- A. I, II
B. I, II, III
C. I, II, IV
D. Semua di atas
11. Tamadun Islam memberikan perhatian terhadap penjagaan perkara-perkara berikut, **KECUALI** _____.
- A. jiwa
B. falsafah
C. akidah
D. keturunan
12. Antara prinsip seni Islam ialah:
- I. Memartabatkan akhlak Islam.
 - II. Meningkatkan nilai kemanusiaan.
 - III. Berteraskan wahyu.
 - IV. Motif adalah bebas.
- A. I, II
B. I, II, III
C. I, II, IV
D. Semua di atas

13. Berikut merupakan pernyataan yang benar berkenaan seni suara, iaitu:
- I. Merupakan alunan suara yang baik pada tempat-tempat yang dibenarkan oleh Islam.
 - II. Contoh seni suara yang diharuskan Islam ialah qasidah, berzanji, tilawah al-Quran dan azan.
 - III. Sebaik-baik bacaan al-Quran adalah menggunakan lagu dan lahjah Arab.
 - IV. Sebaik-baik laungan azan ialah yang bernada sederhana.
- A. I, II
 - B. I, II, III
 - C. I, II, IV
 - D. Semua di atas
14. Hukum perkahwinan dalam Islam adalah seperti berikut:
- I. Wajib bagi orang yang berkemampuan dan mempunyai nafsu syahwat yang tinggi dan sekiranya ia tidak berkahwin boleh membawa kelemah perzinaan.
 - II. Haram bagi orang yang tidak cukup syarat dan tidak berkemampuan serta tidak bertanggungjawab
 - III. Harus bagi mereka yang berhajat serta cukup syarat dan berkemampuan meneruskan kelangsungan bangsa manusia.
 - IV. Makruh bagi orang yang tidak mampu memberi nafkah kerana sesuatu sebab.
- A. I, II
 - B. I, II, III
 - C. I, II, IV
 - D. Semua di atas
15. _____ merupakan perceraian dengan lafaz talak yang dikaitkan dengan bayaran tertentu.
- A. Talak
 - B. Fasakh
 - C. Khuluk
 - D. Mut'ah

16. Pembinaan keluarga Islam itu penting kerana:
- I. Untuk meneruskan penghayatan akhlak yang mulia.
 - II. Untuk kesinambungan generasi manusia.
 - III. Melahirkan ramai pejuang hak asasi manusia.
 - IV. Memupuk semangat perpaduan.
- A. I, II
 - B. I, II, III
 - C. I, II, IV
 - D. Semua di atas
17. Menuntut ilmu merupakan suatu kewajiban dalam Islam. Kewajipan ini juga turut diterjemahkan sebagai _____.
- I. wajib atas ketua keluarga member pendidikan (Islam) kepada orang yang di bawah tanggungannya
 - II. wajib bagi pemerintah menyediakan segala kemudahan untuk memberi pendidikan kepada rakyat.
 - III. wajib ke atas setiap individu yang mumaiyiz menuntut ilmu
 - IV. para ilmuan dan ulama disunatkan mengajar apabila khidmat mereka diperlukan ummah
- A. I, II
 - B. I, II, III
 - C. I, II, IV
 - D. Semua di atas

18. Pendidikan merupakan aktiviti yang suci dalam Islam. Dengan demikian perlulah ada adab-adabnya agar ilmu yang dituntut itu mudah difahami, berkesan dan berkat. Di antara adab-adab murid dari perspektif Islam ialah:
- I. Bersih hati semasa berhadapan dengan guru.
 - II. Sentiasa menghormati guru.
 - III. Menjaga akhlak semasa belajar.
 - IV. Sering mendoakan kesejahteraan dirinya.
- A. I, II
 - B. I, II, III
 - C. I, II, IV
 - D. Semua di atas
19. _____ itu ialah sistem nilai untuk menilai gerak geri atau tingkah laku manusia, sama ada ia ma'ruf atau mungkar.
- A. Aksiologi
 - B. Metodologi
 - C. Epistemologi
 - D. Psikologi
20. Berikut merupakan institusi Pendidikan awal Islam di zaman Rasulullah SAW **KECUALI** _____.
- A. al-suffah
 - B. kuttab
 - C. rumah sahabat
 - D. Baitul Hikmah
21. Berikut merupakan kelebihan agama Islam berbanding agama samawi yang lain **KECUALI** _____.
- A. Nabi Muhammad SAW merupakan sebaik-baik Rasul
 - B. Al-Quran lebih unggul berbanding kitab suci yang lain
 - C. Umat Nabi Muhammad SAW adalah yang terawal masuk syurga
 - D. Nabi Muhammad SAW akan membunuh Dajal

22. Pengertian Iman merangkumi makna _____.

- I. pengakuan dengan lidah
- II. membenaran dalam hati
- III. perwatakan menarik
- IV. perbuatan dengan anggota badan

- A. I, II
- B. I, II, III
- C. I, II, IV
- D. Semua di atas

23. Tiga perkara utama dalam Islam ialah _____.

- A. akidah, iman dan syariah
- B. akidah, syariah dan sains
- C. akidah, syariah dan tasawwuf
- D. akidah, tauhid dan tasawwuf

24. Antara sifat-sifat akhlak dalam Islam ialah _____.

- I. berlandaskan fitrah kejadian manusia
- II. sumber kekuatan
- III. kesan akidah yang mantap yang boleh berubah pada bila-bila masa dan keadaan
- IV. merupakan kesan ibadah

- A. I, II
- B. I, II, III
- C. I, II, IV
- D. Semua di atas

25. Berikut merupakan pernyataan yang benar mengenai konsep ketuhanan dalam Islam, **KECUALI** _____.
- I. Allah SWT merupakan zat yang Maha Agung
 - II. Allah SWT merupakan pentadbir alam semesta
 - III. Allah SWT merupakan makhluk bagi segala kewujudan
 - IV. Allah SWT mempunyai nama dan sifat yang baik yang berbeza dari segala yang baharu.
- A. I, II
 - B. I, II, III
 - C. I, II, IV
 - D. Semua di atas
26. Berikut merupakan pernyataan yang benar mengenai hubungan manusia dengan alam, **KECUALI** _____.
- A. manusia merupakan khalifah Allah SWT di atas muka bumi harus menggunakan sumber alam secara bebas
 - B. manusia memerlukan makanan untuk terus hidup dan sumber alamlah yang menyediakan makanan untuk manusia
 - C. manusia tidak patut menggunakan sumber alam untuk menentang penciptanya, iaitu Allah SWT
 - D. manusia haruslah menjaga kesejahteraan alam dengan tidak melakukan apa-apa perkara yang boleh merosakkan fungsi setiap benda yang ada dalam alam ini
27. Umat Islam meyakini bahawa semua ilmu adalah milik Allah SWT. Antara berikut yang manakah susunan hierarki alat pencapaian ilmu yang tepat menurut Islam?
- A. Wahyu – ilham – akal – intuisi – pancaindera.
 - B. Wahyu – ilham – intuisi – pancaindera – akal.
 - C. Wahyu – ilham – intuisi – akal – pancaindera.
 - D. Wahyu – intuisi – ilham – pancaindera – akal.

28. Berikut merupakan pernyataan yang benar berkaitan jihad, iaitu:

- I. Dikatakan jihad nafsu jika seseorang itu mengekang hawa nafsu dengan mengambil dunia sekadar keperluan sahaja.
- II. Mengekang perasaan yang mempunyai keinginan yang buruk dianggap sebagai jihad hati.
- III. Jihad lisan adalah lebih tinggi nilainya berbanding jihad hati.
- IV. Jihad ilmu ialah usaha mencari dan menguasai ilmu yang dipelajari.

- A. I, II
- B. I, II, III
- C. I, II, IV
- D. Semua di atas

29. Tamadun Islam merupakan tamadun yang unggul dan amat disegani pada masa dahulu. Di antara ciri-ciri tamadun Islam pada ketika itu ialah

-
- I. bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah
 - II. tidak terhad kepada mana-mana bangsa, masa dan tempat-tempat tertentu
 - III. menekankan aspek pembangunan, kebudayaan, peradaban, pendidikan dan sebagainya yang berteraskan dalil 'akli dan naqli
 - IV. bersifat toleransi terhadap agama dan budaya lain tanpa had

- A. I, II
- B. I, II, III
- C. I, II, IV
- D. Semua di atas

30. Berikut merupakan sumber-sumber tamadun Islam, iaitu:

- I. Agama
 - II. Budaya
 - III. Politik
 - IV. Bangsa
-
- A. I, II
 - B. I, II, III
 - C. I, II, IV
 - D. Semua di atas

*** KERTAS SOALAN TAMAT ***


UNIRAZAK
UNIVERSITI TUN ABDUL RAZAK
Copying, modifying, or reprinting, is not permitted.